

DASAR KUALITI, KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

Pengurusan Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd. (Co-X) komited untuk menjadikan Putrajaya International Convention Centre (PICC) sebagai destinasi terkemuka antarabangsa bagi acara perniagaan (“business events”). Ini termasuklah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan professional serta tumpuan terhadap kepuasan pelanggan melalui system pengurusan, kerja berpasukan dan komunikasi yang berkesan.

Dalam usaha untuk mematuhi prinsip-prinsip ini, Co-X komited:

Q

Kualiti

- ✓ Melaksanakan disiplin ISO 9001 bagi membangun dan mengekalkan proses-proses yang diperlukan dalam menyediakan PICC sebagai destinasi utama dengan inovasi canggih dan kepuasan hospitaliti untuk pelanggan dengan kualiti standard yang konsisten.
- ✓ Mewujudkan dan meningkatkan matlamat yang boleh diukur melalui audit dalaman, tindakan pembetulan dan semakan pengurusan.
- ✓ Mematuhi peraturan yang berkaitan dan keperluan pelanggan termasuk kualiti, keselamatan, kebersihan dan spesifikasi alam sekitar bagi aktiviti, produk dan perkhidmatan di Co-X.
- ✓ Untuk meningkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan.

HS

Keselamatan
Kesihatan


- ✓ Menyediakan dan memastikan persekitaran kerja, kemudahan, peralatan dan sistem kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja, kontraktor, pelanggan, pelawat dan pihak yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti di Co-X.
- ✓ Melaksanakan aktiviti serta program untuk mencegah kecederaan dan kemudaratan kesihatan, termasuk kesedaran dan pemantauan kesihatan kepada semua pekerja dan memastikan setiap pekerja mengambil bahagian di dalam aktiviti dan program tersebut.
- ✓ Bekerjasama dengan pihak berkuasa (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia serta lain-lain jabatan kerajaan dan agensi yang berkaitan) dan mematuhi setakat yang praktik semua peruntukan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa, tataamalan industri, piawaian dan keperluan lain yang sewajarnya.
- ✓ Memastikan konsep penambahbaikan berterusan sentiasa dijadikan amalan di dalam menilai dasar, pencapaian prestasi keselamatan dan kesihatan, prosedur dan sistem kerja sedia ada di dalam usaha untuk meningkatkan kualiti keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

E

Alam Sekitar

- ✓ Menetapkan objektif dan sasaran bagi alam sekitar, mengintegrasikan proses pemantauan, semakan dan laporan.
- ✓ Memulihara sumber semulajadi melalui penggunaan tenaga, air dan bahan-bahan secara bertanggungjawab.
- ✓ Mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkenaan.
- ✓ Meningkatkan prestasi alam sekitar secara berterusan dan meminimumkan impak terhadap alam sekitar.
- ✓ Komited untuk melindungi alam sekitar, termasuk pencegahan pencemaran dan tanggungjawab tertentu yang lain.

Co-X bertanggungjawab untuk mengekalkan Dasar Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar dan menyokong semua inisiatif untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan Co-X.



DATO' BADLISHAH BIN HAJI AHMAD

Ketua Pegawai Eksekutif

Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn. Bhd. (Co-X)

Putrajaya International Convention Centre

Tarikh : 3 Januari 2017